SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

selangorku

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : Dlm.IPK.Sel. 20279/7/2Jld.8 (62)
Tarikh : 30 R'Akhir 1433H
25 Mac 2012

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 8 TAHUN 2012

SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2012

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat pekeliling yang saya terima daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 29 Februari 2012 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 1 hingga 15** surat pekeliling berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.

S/K. EW/PK/KP/9999/020109/02/16 JLD.6 (SJ.3)(25)

DITERIMA
12 MAR 2012
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor D.E.
Setiausaha Kerajaan Selangor
20 MAR 2012
SUB (K/P)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

SUB(K/P)
waklawan

DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor.

KONTRAK SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT (TIDAK TERMASUK KATIL PESAKIT) KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai kaedah perolehan untuk Kontrak Sistem Panel Bagi Pembekalan Katil Besi Setingkat Dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit) Kepada Semua Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Katil Besi Setingkat Dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit) diuruskan melalui Kontrak Sistem Panel. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item tersebut hanya di kalangan lapan (8) syarikat panel pembekal yang dilantik.

Pen Ti
Hebahkan sue

JOHARY BIN ANUAR
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan

3. Kriteria pelantikan syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

a. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat katil besi dalam kod bidang 020199 (Pembuat Perabot Berasaskan Logam);

b. Bertaraf Bumiputera sepanjang tempoh kontrak; dan

c. Produk yang dikeluarkan perlu mendapat pengiktirafan kualiti daripada pihak yang berkenaan.

MAKLUMAT SYARIKAT PANEL PEMBEKAL

4. Maklumat syarikat panel pembekal adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1.	Kabimas Sdn. Bhd.	No.21 & 23, Jalan Bulan U5/9 Seksyen U5, Subang 2 **40170 Shah Alam** Selangor D.E. No. Tel : 03-78456000 No. Faks : 03-78461644 E-mel : info@kabimas.com.my	Affin Bank Berhad Cawangan Kelana Jaya No.101, Blok C, Menara Glomac, Kelana Business Centre No.97, Jalan SS7/2 **47301 Kelana Jaya** Selangor D.E No. Akaun : 100980018782
2.	Puncak Bumi Utama Sdn. Bhd.	S-10, Lorong Kendi 1 Jalan Kendi, Kawasan Industri MARA **14100 Simpang Ampat** Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang No. Tel : 04-5873073 No. Faks : 04-5874540 E-mel : puncakbumi@yahoo.com	Public Bank Berhad Cawangan Bagan Ajam Tingkat Bawah 6862-6864 Jalan Bagan Jermal Bagan Ajam **13000 Butterworth** Seberang Perai Utara, Pulau Pinang No. Akaun : 3107 8821 34
3.	Malpro Industri Sdn. Bhd.	Wisma Malpro Lot 1042, Batu Satu Jalan Sungai Buaya, Sungai Choh **48000 Rawang** Selangor D.E No. Tel : 03-6092903/60931232 No. Faks : 03-60928020 E-mel : saveyah@yahoo.com	Malayan Banking Berhad No. 167-175 Jalan 2/3A, Bandar Utara Selayang, 12 KM Jalan Ipoh **68100 Batu Caves** Selangor D.E No. Akaun : 012156307232

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
4.	Redah Jaya Sdn. Bhd.	No.7, Blok C, Megamas Business Centre, Jalan Gelen K Seksyen U19, Sungai Buloh **40160 Shah Alam** Selangor D.E No. Tel : 03-61482881/3382 No. Faks : 03-61484890 E-mel : redahjsb@tm.net.my	CIMB Bank Berhad Cawangan Seri Gombak No.2, Jalan SG1/2 Taman Seri Gombak **68000 Batu Caves** Selangor D.E. No. Akaun : 1223-0009086-057
5.	Profitech Engineering Sdn. Bhd	Lot 451, Jalan Perusahaan 2 Bandar Baru Sungai Buloh **47000 Sungai Buloh** Selangor D.E. No. Tel : 03-61560271 No. Faks : 03-61563756 E-mel : profitech@streamyx.com	CIMB Bank Berhad Cawangan Sungai Buloh Lot 395, Jalan 1A/1 Bandar Baru Sungai Buloh **47000 Sungai Buloh** Selangor D.E No. Akaun : 1229-000815-05-1
6.	Nagasteel Sdn. Bhd	23-A, Jalan 3/4C Desa Melawati **53100 Kuala Lumpur** W. P. Kuala Lumpur No. Tel : 03-41056791 No. Faks : 03-41056790 E-mel : sales@naga.com	RHB Bank Berhad Cawangan Tmn. Permata Lot 6&7, Tingkat Bawah Giant Shopping Complex Jalan Changkat Permata Taman Permata **53100 Kuala Lumpur** No. Akaun : 2-12330-10003110
7.	Azas Rekalogam Sdn. Bhd	Lot 1019A, Jalan 4/32 Mukim Batu, Batu 6 ½ Off Jalan Kepong **52000 Kuala Lumpur** W. P. Kuala Lumpur No. Tel : 03-62579066 No. Faks : 03-62512625 E-mel : plant@azasrl.com	Maybank Berhad Cawangan Desa Jaya No.8-10, Jalan 53 Desa Jaya **52000 Kepong** Selangor D.E No. Akaun : 014208419169
8.	DPM Sdn. Bhd	No.17 & 19, Jalan PJU 3/41 Sunway Damansara, Seksyen 12 Kota Damansara **47810 Petaling Jaya** Selangor D.E No. Tel : 03-78850864 /865 No. Faks : 03-78850965 E-mel : dpm_bhd@ yahoo.com	Malayan Banking Berhad Cawangan Giza Kota Damansara B01& B02, Sunway Giza Mall, No.2 Jalan PJU 5/14 **47810 Petaling Jaya** Selangor D.E No. Akaun : 562759108998

TEMPOH KONTRAK

5. Tempoh lantikan bagi lapan (8) syarikat seperti di Perenggan 4 sebagai panel pembekal untuk Kontrak Sistem Panel bagi Perolehan Katil Besi Setingkat Dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit) Kepada Semua Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia adalah sehingga **31 Disember 2013.**

6. Agensi hendaklah memastikan syarikat panel pembekal katil besi mengemukakan laporan seperti di ***Lampiran A*** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15 hari bulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan Kontrak Sistem Panel ini.

KAEDAH PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Katil Besi Setingkat Dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit) hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap Agensi Kerajaan di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik. Tatacara bagi perolehan ditetapkan seperti berikut:-

i. Perolehan bernilai di bawah RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak, Agensi Kerajaan dibenarkan melaksanakan perolehan secara pembelian terus di kalangan mana -mana syarikat panel pembekal yang dilantik;

ii. Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak, hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi;

iii. Perolehan melebihi RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak, hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi;

iv. Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM50,000 selaras dengan Arahan Perbendaharaan (**AP**) 176.1; dan

v. Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyelenggaraan dan fakta-fakta lain yang berkaitan.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

8. Agensi Kerajaan adalah digalakkan untuk membuat perolehan secara *eBidding* selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

9. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

10. Agensi hendaklah memastikan keluaran syarikat panel adalah berkualiti dan menetapkan spesifikasi item yang diperlukan sebelum pelawaan sebut harga dikemukakan kepada syarikat panel.

11. Syarikat panel pembekal tidak dibenarkan sama sekali mensubkan pembuat katil besi setingkat dan dua tingkat (tidak termasuk katil pesakit) kepada pihak lain.

12. Pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan di Para 11 boleh mengakibatkan pelantikan syarikat panel pembekal akan ditarik balik. Agensi hendaklah memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak syarikat panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

HAL-HAL LAIN

13. Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat panel pembekal yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan Dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

14. Sebarang pertanyaan mengenai **PKP** ini juga boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3239 atau 8882 3253.

KUAT KUASA

15. **PKP** ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani sehingga 31 Disember 2013. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, maka **PKP** Bil. 2 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(DATO' FAUZIAH YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh : 29 Februari 2012

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

PENYATA PESANAN

NAMA ITEM: KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT

BEKALAN BAGI BULAN_____/_____

BIL	NAMA AGENSI YANG MEMBUAT PESANAN	KAEDAH PEROLEHAN (PEMBELIAN TERUS/ SEBUT HARGA /TENDER)	NO PESANAN / TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI (RM)	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

Adalah disahkan bahawa penyata yang dinyatakan di atas benar.

Tandatangan Kontraktor :

Nama dan jawatan :

Tarikh dan Cap Syarikat :

Nota : Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan.